

Terima kasih saudara Pengacara Majlis

Bismillahir Rahmani Rahim

Assalamualaikum Wbt, Salam Sejahtera dan Salam 1 Suruhanjaya  
Perkhidmatan Pelajaran

Yang Berusaha Tuan Haji Mahpof bin Mahmood  
Timbalan Setiausaha (Pengurusan)

Yang Dihormati Semua Setiausaha Bahagian

Pegawai-pegawai dan seluruh Warga SPP yang dikasihi sekalian

Alhamdulillah segala puji dan syukur dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan inayahNya maka dapat kita dapat berkumpul bersama pada pagi ini di Majlis Perhimpunan Bulanan Bilangan 3 Tahun 2016 Bulan Disember 2016. Saya kira **Majlis Perhimpunan Bulan Disember 2016 pada pagi ini, begitu istimewa kerana majlis ini merupakan penutup tirai bagi tahun 2016** yang penuh dengan pelbagai cabaran khususnya kepada saya yang baru menyandang jawatan Setiausaha SPP bagi tempoh tidak sampai 1 tahun (7 bulan). Saya juga percaya bagi tuan-tuan dan puan-puan yang berkhidmat di SPP sepanjang tahun 2016, banyak peristiwa pahit manis dilalui yang menjadi kenangan dalam lipatan sejarah dan sebahagiannya boleh dijadikan panduan bagi memastikan perancangan kerja lebih baik pada masa hadapan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian,

## **SASARAN KERJA TAHUNAN**

Di permulaan ucapan saya ini, saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan ribuan terima kasih atas sokongan dan komitmen yang diberikan oleh semua Warga SPP sehingga kita berjaya melaksanakan Sasaran Kerja Tahunan Tahun 2016 dengan pencapaian melebihi 96% setelah mengambilkira hasil kerja sehingga November 2016. Saya yakin, kebanyakan Bahagian akan mencapai sasaran 100% atau melebihi 100% jika penilaian hasil kerja dibuat sehingga 31 Disember 2016 dengan beberapa program/ aktiviti sedang dan akan dilaksanakan.

Besarliah harapan saya, momentum ini hendaklah diteruskan oleh Warga SPP bagi melaksanakan Sasaran Kerja Tahunan bagi Tahun 2017 yang telah dipersetujui setelah dibentang oleh setiap Setiausaha Bahagian di Dorset Hotel Putrajaya baru-baru ini. **Adalah menjadi tanggungjawab Pihak Pengurusan Bahagian memberi penjelasan kepada setiap pegawai mengenai program atau aktiviti yang ditetapkan dalam Sasaran Kerja Tahun 2017** bagi memudahkan mereka melaksanakannya menjelang tahun 2017 nanti.

Hadirin hadirat Warga SPP yang dihormati sekalian,

## ***MENELUSURI KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN SPP SEPANJANG 2016***

Tahun 2016 akan menutup tirainya tidak berapa lama lagi hanya tinggal 11 hari sahaja. Sebagai Warga SPP, kita wajar merasa bangga atas beberapa kejayaan yang telah kita capai hasil usaha dan komitmen

yang telah diberikan oleh setiap warga sepanjang tahun 2016. Antaranya kejayaan yang dapat saya sebutkan:

**Pertama: SPP adalah satu-satunya Jabatan Persekutuan dari 10 buah agensi lain yang telah dipilih sebagai penerima Anugerah Keselamatan Perlindungan oleh Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO).** Pengiktirafan ini dibuat setelah pasukan inspektorat berpuashati ke atas mana-mana jabatan Kerajaan yang mengambil langkah-langkah bagi mematuhi tatacara menjaga kerahsiaan dokumen dan aset-aset Kerajaan.

**Kedua: SPP merupakan antara agensi perintis yang telah melaksanakan Sistem Pengurusan Dokumen dan Fail secara Digital (*Digital Document Management System/ DDMS*).** Menerusi DDMS, fail terbuka SPP akan diuruskan secara maya (*virtual file*) yang bertujuan mempercepatkan sesuatu tindakan selain mengatasi isu ketiadaan ruang pejabat bagi mewujudkan bilik fail.

**Ketiga: Pelancaran dan kejayaan projek rintis Sistem e-PROPER di sekolah-sekolah di bawah Jabatan Pendidikan Putrajaya.** Sistem yang membolehkan sekolah memperakukan urusan perkhidmatan secara online berbanding secara manual sebelum ini. Sistem e-PROFER telah disenaraikan sebagai projek transformasi di bawah Teras Strategik 3: Merakyatkan Penyampaian Perkhidmatan iaitu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan di bawah Pelan Transformasi Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri tahun 2016.

**Keempat: SPP telah berjaya melancarkan Pelan Strategik SPP 2016 – 2020 pada 25 November 2016.** Pelan ini merupakan satu manifestasi penting yang diterjemahkan sebagai dokumen panduan kepada Warga SPP untuk bergerak mencapai visi sebagai Peneraju Transformasi Modal Insan Perkhidmatan Pendidikan dalam tempoh lima tahun. Di dalam pelan ini terkandung pelan tindakan dan inisiatif-inisiatif yang telah dipersetujui hasil perbincangan yang kolektif bagi SPP meningkatkan kecekapan dalam penyampaian perkhidmatan selaras dengan agenda nasional negara, Wawasan 2020.

**Kelima: Pelaksanaan e-OPeS – Sistem Operasi Pejabat SPP.** Dengan kuatkuasa e-OPeS permohonan urusan pentadbiran di SPP dilaksanakan secara dalam talian bagi 4 urusan pentadbiran iaitu membuat tempahan kenderaan, tempahan bilik mesyuarat, direktori SPP dan aduan ICT. Sistem yang dibangunkan secara dalaman hasil kerjasama BPM dengan BKP telah berkuatkuasa mulai 2 Disember 2016 yang objektifnya memperbaiki dan mempercepat penyampaian perkhidmatan dalaman dan seterusnya menggantikan permohonan secara manual (borang) yang dilaksanakan sebelum ini.

**Keenam: Menganjurkan Hari Keluarga SPP pada 20 Oktober 2016 di Bukit Jalil, Kuala Lumpur yang telah lama tidak dilaksanakan.** Tahniah dan Syabas kepada Kelab Sukan & Rekreasi SPP yang berjaya melaksanakan program ini bagi mengukuhkan hubungan dan seterusnya mengeratkan ukhwah sesama Warga SPP.

**Ketujuh: Menganjurkan program Team Building bertempat di Felda Residence Tekam, Jerantut, Pahang bagi mewujudkan semangat kerja berpasukan Warga SPP.** Program yang berbeza pendekatannya

dengan lokasi yang menarik telah mendapat maklum balas yang positif daripada Warga SPP.

Begitulah antara beberapa kejayaan dan pencapaian utama SPP bagi tahun 2016 dan saya percaya ada lagi pencapaian dan penghargaan kita perolehi yang tidak sempat saya senaraikan. Sekali lagi kepada seluruh warga SPP, setinggi-tinggi tahniah dan syabas saya ucapkan. Semoga pencapaian dan anugerah ini akan menguatkan tekad kita untuk terus menyumbang bakti dan kepakaran bagi memartabatkan perkhidmatan awam di Negara kita. Kejayaan-kejayaan ini diharap dapat dijadikan pemangkin kepada semua warga SPP untuk terus berusaha dengan penuh komitmen dan konsisten serta ditunjangi idea yang kreatif dan inovatif demi kelangsungan kecemerlangan SPP pada masa akan datang.

Tuan-tuan dan puan-puan hadirin sekalian

### ***PELANTIKAN AHLI SURUHANJAYA BARU***

Tahun 2016 juga berlaku perubahan ketara dari segi keahlian Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Bermula dari awal Tahun 2016 hingga November 2016, seramai 8 orang ASJ telah tamat tempoh perkhidmatan mereka. Bagi seluruh Warga SPP, **kita mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sumbangan mereka kepada SPP khususnya 4 ASJ yang baru tamat tempoh perkhidmatan mereka yang telah diraikan dalam satu majlis pada 25 November 2016.**

Bagi menentukan kekosongan tersebut tidak menjejaskan perjalanan Mesyuarat Suruhanjaya dan urusan temuduga, pada 1 Disember 2016, melalui upacara Majlis Angkat Sumpah dan Aku Janji SPP telah **menerima 8 orang Ahli Suruhanjaya yang baharu termasuk pelantikan semula YBhg Tan Sri Dr Haili Dolhan selaku Pengerusi SPP**. Bagi seluruh Warga SPP, kita mengambil kesempatan ini mengucapkan Tahniah dan Syabas serta mengalu-alukan kehadiran mereka sebagai Ahli Keluarga SPP yang baru. Moga pengalaman dan kemahiran mereka dalam perkhidmatan awam dapat digunakan bagi memartabatkan SPP. Sebagai Warga SPP sewajarnya kita mengenali ASJ yang baharu seperti berikut:

- 1 YBhg Datuk Hj Mohlis bin Hj Jaafar
- 2 YBhg Dato' Misrah bin Haji Ibrahim
- 3 YBhg Dato' Haji Sufa'at bin Tumin
- 4 YBhg Dato' Dr Lee Boon Hua
- 5 YBhg Dato' Kumaran A/L Santhivaloo
- 6 YBrs. Dr Masnah binti Ali Muda
- 7 Puan Hajah Serina binti Sauni
- 8 YBrs Encik Choy Lup Bong

Hadirin hadirat Warga SPP yang dihormati sekalian,

### **BAJET SPP TAHUN 2017**

Menjelang Tahun 2017 yang semakin hampir lebih kurang 2 minggu lagi, saya mengharapkan tuan-tuan dan puan-puan sekalian telah bersedia dengan tekad dan azam yang baru selain meneruskan kelangsungan pencapaian baik tahun-tahun sebelum ini. **Dengan**

**anggaran Bajet Tahun 2017 yang berkurangan hampir RM1 juta berbanding Tahun 2016, langkah-langkah perbelanjaan berhemah dan mengelakkan sebarang pembaziran wajar diamalkan oleh setiap Warga SPP.** Pengurangan peruntukan ini dialami semua Agensi Kerajaan disebabkan keadaan ekonomi negara yang menurun serta kejatuhan nilai matawang Ringgit Malaysia (RM).

**Sehubungan itu, saya meminta supaya beberapa langkah penjimatan berikut perlu dipatuhi:**

- (i) Memastikan tanggungan tahun ini yang belum dijelaskan atau pelaksanaan sesuatu keputusan baharu ditampung melalui penjimatan peruntukan tahun semasa dengan penyusunan semula keutamaan perbelanjaan;**
- (ii) Memastikan semua peruntukan yang diluluskan mempunyai jadual pelan tindakan supaya dapat dibelanjakan mengikut perancangan sebelum akhir tahun. Perbelanjaan secara bunching ada penghujung tahun hendaklah dielakkan;**
- (iii) Mengehadkan penganjuran persidangan/ seminar/ pameran/ mesyuarat/ kursus/ bengkel/ retreat.;**
- (iv) Mempertingkatkan usaha penjimatan penggunaan utiliti seperti air, elektrik, alat perhubungan dan bahan bakar serta bahanbahan lain melalui penguatkuasaan peraturan dalaman masingmasing.**

Muga langkah-langkah yang saya nyatakan ini dihayati dan dilaksanakan sebaik mungkin oleh seluruh Warga SPP.

***PENINGKATAN PENGUASAAN ILMU, KEMAHIRAN DAN KOMPETENSI KE ARAH MENINGKATKAN PRODUKTIVITI DAN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN***

Hadirin hadirat Warga SPP yang dihormati sekalian,

Tidak boleh dinafikan bahawa perubahan lanskap politik dan keadaan ekonomi, peningkatan sosio-pendidikan dan perubahan demografik adalah merupakan antara cabaran masa kini yang perlu dihadapi oleh kita semua selaku warga SPP. **Dalam berhadapan dengan cabaran-cabaran ini, kita perlu bersedia dengan ilmu, kemahiran dan kompetensi yang sewajarnya.** Tanpa semua ini, kita tidak dapat melaksanakan tanggungjawab kita untuk memastikan penyampaian perkhidmatan awam khususnya relevan mengikut masa dan bersifat mapan.

Sehubungan dengan itu, **saya menyeru agar kita semua meningkatkan lagi penguasaan ilmu pengetahuan serta melengkapkan diri masing-masing dengan kemahiran dan kompetensi yang diperlukan agar kita dapat berperanan dengan lebih efisien dan efektif.** Budaya ilmu ini juga mempunyai kekuatan untuk membolehkan kita bergerak dalam pengurusan yang jelas dan kental ke arah mencapai matlamat yang lebih sempurna. Semua Bahagian di SPP adalah disarankan agar dapat memupuk budaya ilmu ini di bahagian masing-masing dengan berusaha ke arah membina tradisi kecemerlangan berterusan di kalangan warga masing-masing



serta menyemai dan merangsang perkembangan intelek di kalangan warganya dalam usaha mewujudkan organisasi yang berilmu.

### ***IDEA KREATIF DAN INOVATIF***

Ruang dan peluang juga perlu diberikan dan diwujudkan kepada semua warga SPP khususnya kepada pegawai-pegawai muda bagi membolehkan mereka menyuarakan pendapat dan idea baharu yang bernas. **Percambahan idea-idea baharu ini akan menjadikan semua Warga SPP boleh berfikir melangkaui kebiasaan (*think out of the box*) serta kreatif dan inovatif dalam mencari jalan yang terbaik untuk menyelesaikan sesuatu permasalahan atau kelemahan yang ada.** Ini akan menjadikan kita lebih peka peka dan responsif atau dalam erti kata lain, kita akan bertindak lebih proaktif untuk memudahkan dan bukan menyusahkan (*to facilitate not frustrate or irritate*).

### ***PEMANTAPAN SAHSIAH, INTEGRITI DAN DISIPLIN 'WARGA BESAR' SPP***

Hadirin hadirat Warga SPP yang dihormati sekalian,

Selain daripada penguasaan ilmu pengetahuan tersebut, pemantapan sahsiah, integrity dan disiplin di kalangan seluruh warga SPP sehingga sampai ke satu tahap yang lebih membanggakan juga amat penting untuk dititik beratkan. **Dalam melaksanakan tanggungjawab dan tugas seharian kita, kepentingan diri sendiri perlu diketepikan demi melaksanakan tugas dengan penuh amanah dan berintegriti. Integriti yang saya maksudkan ini bukan sekadar tertumpu kepada menghindari daripada perlakuan rasuah dan salah guna kuasa**

**yang melibatkan wang ringgit, bahkan ia merangkumi integriti dalam pengurusan masa, integriti dalam pentadbiran, integriti dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik, integriti dalam komunikasi dan sebagainya.**

Sesungguhnya, saya percaya bahawa sekiranya seluruh warga SPP memiliki sahsiah dan integriti yang utuh, imej dan kualiti SPP akan dapat ditingkatkan sekali gus mendapatkan keyakinan dan kebolehpercayaan stakeholders dan orang awam ke atas perkhidmatan yang kita diberikan. Tanpa integriti, semua yang kita lakukan tidak lagi bermakna dan akan dipandang negatif oleh masyarakat. Justeru, Setiausaha Bahagian hendaklah menjadikan pembudayaan integriti di kalangan warga masing-masing sebagai agenda utama dalam usaha memperkasakan lagi penyampaian perkhidmatan masing-masing. Melalui pemantauan dan pemerhatian yang dijalankan saya dapati disiplin pematuhan masa kehadiran ke pejabat Warga SPP adalah berada pada tahap yang kurang memuaskan. Saya ingin mengingatkan tuan-tuan dan puan-puan supaya mematuhi peraturan masa kehadiran ke pejabat. Besarlah harapan saya agar semua Warga SPP mengambil serius akan teguran ini dalam menjadikan SPP satu organisasi contoh di dalam perkhidmatan awam.

### ***PERANAN MBJ DAN PEKERJA CONTOH TAHUN 2016***

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian

Sebelum saya mengakhiri ucapan kali ini, ingin saya mengambil kesempatan ini **mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Sesi 2015/2016 yang akan tamat**

**tempoh pelantikan mereka atas sumbangan mereka selama ini.** Bagi saya peranan MBJ sangat penting kerana mereka merupakan perantara dalam menyuarakan isu-isu dan cadangan pekerja kepada Pihak Pengurusan melalui Mesyuarat MBJ yang diadakan setiap suku tahun. Moga Ahli MBJ yang akan dilantik nanti akan meneruskan peranan ini serta dapat mengemukakan idea-idea baru ke arah menjadikan SPP tempat bertugas yang selesa dan dapat memberi kepuasan kepada seluruh Warganya.

Saya juga mengambil kesempatan ini **mengucapkan tahniah dan syabas kepada para pemenang Anugerah Pekerja Contoh 2016 yang akan diumumkan penerimanya sebentar lagi. Anugerah yang pertama kali diperkenalkan akan dilaksanakan setiap 6 bulan terdiri daripada seorang pegawai dalam Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 2 orang dari Kumpulan Pelaksana.** Semoga dengan adanya anugerah ini akan menjadi pembakar semangat kepada Warga SPP yang lain untuk terus meningkatkan prestasi kerja mereka disamping melibatkan diri dengan kegiatan diluar tugas mereka demi kejayaan SPP. Pegawai yang terpilih kali ini wajar menjadi model kepada seluruh Warga SPP bukan sahaja dari aspek prestasi kerja tapi merangkumi disiplin diri, ketampilan, kehadiran ke pejabat, komitmen dan juga penglibatan dengan aktiviti jabatan. Harapan saya moga Anugerah ini mewujudkan persaingan yang sihat antara Warga SPP dan akhirnya akan memberi kebaikan kepada SPP pada umumnya.

Hadirin hadirat Warga SPP yang dihormati sekalian,

Akhir kata buat warga SPP yang beragama Kristian, Selamat Menyambut Hari Krismas yang bakal diraikan pada 25 Disember ini dan

Selamat Tahun Baru 2017. Bagi Warga SPP yang akan bercuti pada hujung tahun bersama keluarga tercinta, selamat bercuti dan jika memandu berhati-hati dijalanraya. Dengan itu saya akhiri ucapan saya dengan wabillahittaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullai wabarakatuh.